**UJIAN DIAGNOSTIK 2 TAHUN 2020**
**PERATURAN PEMARKAHAN**
**TASAWWUR ISLAM KERTAS 2 (5226/2)**
**SET 1**

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1. | (a) | (i) | **Maksud Rububiyyah:**<br>- Keyakinan (iktikad) dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang mentadbir semua benda dan perkara di dunia ini (2m) dan tiada pentadbir yang lain melainkan Allah SWT yang Maha Esa dan Kuasa (2m) | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua konsep Rububiyyah:**<br>- Allah SWT Pencipta, Pemilik, dan Pentadbir alam (2m)<br>- Allah SWT berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendak-Nya (2m)<br>- Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi (2m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (b) | (i) | **Pengertian memulihara alam:**<br>- Mengembalikan alam kepada habitat asalnya (2m) seperti menanam semula tumbuh-tumbuhan yang telah ditebang atau dimusnahkan (1m) supaya habitat alam akan kekal dan baik (1m) | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua langkah yang patut diambil bagi memulihara alam:**<br>- Menanam semula pokok-pokok yang ditebang (1m) untuk mengelakkan hakisan tanah (1m)<br>- Menimbus semula kawasan lombong yang telah ditinggalkan (1m) untuk dimanfaatkan (1m)<br>- Melarang memburu dan membunuh binatang liar (1m) supaya tidak pupus (1m)<br>- Membersihkan sungai-sungai daripada kekotoran (1m) supaya tidak tercemar (1m)<br>- Tidak membuang sampah sarap merata-rata (1m) supaya sentiasa bersih (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (c) | | **Dua ciri akal:**<br>- Membezakan manusia dengan haiwan (1m) kerana dapat berfikir dan belajar (1m)<br>- Boleh berkembang dan menerima perubahan (1m) jika sentiasa digunakan untuk berfikir (1m)<br>- Tidak mampu berfikir dan memahami perkara-perkara ghaib (1m) kerana kemampuan akal terbatas (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |

<table>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>

**Kesan fahaman antihadis terhadap masyarakat:**

Rubrik Penskoran :

| Diskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu kesan | 1m |
| Menyatakan satu kesan dan huraian | 2m |
| Menyatakan satu kesan, huraian dan huraian lengkap / contoh / sebab | 3m |
| Menyatakan satu kesan, huraian dan huraian lengkap / contoh / sebab berserta kesimpulan / rumusan | 4m |

**Contoh jawapan :**

- Masyarakat tidak akan dapat memahami ajaran al-Quran yang umum (1m) seperti cara solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji (1m) kerana tidak merujuk hadis yang berperanan untuk mentakhsis/menentukan maksud nas yang umum (1m). Oleh itu, fahaman antihadis ini perlulah dibanteras oleh pihak berwajib dengan tegas (1m).

</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>

**Dua prinsip lain bagi Rabbaniyyah:**

- Islam agama yang diwahyukan oleh Allah SWT (1m) dan bukan ciptaan manusia (1m)
- Islam ialah satu pegangan yang jitu dan bersih (1m) daripada kekurangan, kejahilan, dan dorongan hawa nafsu (1m)
- Islam dan seluruh makhluk merupakan hak kepunyaan Allah SWT (1m) tanpa pengecualian (1m)
- Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup (1m) untuk memandu kehidupan makhluk-Nya (1m)

</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>

**Dua cara untuk memiliki sifat Rabbaniyyah dalam diri:**

- Beriman dan yakin dengan segala rukun iman (2m)
- Mengerjakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya (2m)
- Berjihad dengan nyawa, harta benda dan fikiran untuk meninggikan syariat Islam (2m)
- Bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari keredhaan Allah SWT (2m)
- Berakhlak dengan akhlak mulia dan terpuji (2m)

</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | | **Dua bentuk kesyumulan Islam dalam perhubungan sesama manusia:**<br>- Islam menggariskan panduan cara bermuamalat dengan cara yang baik (1m) seperti tidak menindas, monopoli, manipulasi, makan riba (1m).<br>- Islam menggariskan peraturan dalam pergaulan (1m) agar tidak berlaku perkara yang buruk (1m).<br>- Islam menggariskan peraturan dalam hubungan antarabangsa (1m) supaya hidup harmoni (1m).<br>- Islam telah menetapkan hukuman qisas, hudud, takzir (1m) untuk menjaga keselamatan sesama manusia (1m) | 2 isi x 2m = 4m |
| | (c) | | **Kewajipan menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran tidak boleh diabaikan kerana:**<br><br>Rubrik Penskoran :<br><table><tr><th>Diskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab / contoh / dan huraian</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / berserta kesimpulan / rumusan</td><td>4m</td></tr></table><br>**Contoh jawapan :**<br><br>- Kemungkaran akan berleluasa (1m) seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan (1m) hingga boleh merosakkan hubungan dalam masyarakat (1m) Oleh itu, umat Islam hendaklah bekerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut agar kehidupan harmoni (1m) | 4m |
| | (d) | (i) | **Maksud thabat:**<br>- Tetap dan teguh serta tidak berubah (2m). Hal ini bermakna dalam ajaran Islam ada perkara-perkara yang dinyatakan secara tetap atau qat'ie, tidak boleh dipinda atau diubah dasar, prinsip dan perlaksanaannya (2m) | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | **Contoh thabat dalam akidah Islam:**<br>- Tidak ada kelonggaran dan toleransi dengan sebarang unsur syirik (1m) yang boleh merosakkan kepercayaan kepada Allah SWT (1m) seperti mempercayai kuasa lain mampu menyaingi kuasa Allah SWT atau menyembah sesuatu selain daripada Allah SWT (1m) | 1 isi x 2m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3. | (a) | (i) | **Maksud Piagam Madinah:**<br>- Perlembagaan yang ditulis dan dipersetujui bersama oleh golongan yang terdiri daripada orang Islam dan yahudi yang menjadi warganegara Madinah dibawah pimpinan Rasulullah SAW (2m) | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua sebab Piagam Madinah dibentuk:**<br>- Membentuk sebuah negara yang aman dan mengatur kesatuan politik penduduk Madinah (2m)<br>- Melindungi hak dan kepentingan seseorang individu dan masyarakat setempat (2m)<br>- Menjamin keselamatan diri, harta dan kehormatan manusia (2m)<br>- Menyatupadukan semua kaum yang berada di Madinah (2m)<br>- Menjamin kebebasan melakukan ajaran agama dan kepercayaan masing-masing (2m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (b) | (i) | **Dua ciri yang perlu ada pada seorang khalifah:**<br>- Memiliki keadaan fizikal yang sihat dan sempurna (1m)<br>- Pengetahuan yang luas (1m)<br>- Mempunyai keyakinan diri (1m)<br>- Mengetahui matlamat serta hala tuju organisasi (1m)<br>- Memiliki semangat yang kuat (1m)<br>- Cekap membuat keputusan (1m)<br>- Dapat mengawal emosi dan rasional (1m)<br>- Adil dalam pentadbirannya (1m)<br>- Menguasai prinsip-prinsip perhubungan antara manusia (1m)<br>- Menguasai teknik-teknik berkomunikasi (1m)<br>- Mampu bertindak sebagai penasihat (1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua implikasi pengabaian tugas seorang khalifah:**<br>- Mengakibatkan berlaku kezaliman dalam pemerintahan (1m) seperti penindasan dan penyelewengan (1m)<br>- Tercetusnya perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat (1m) akibat daripada penindasan dan penyelewengan (1m)<br>- Terjadi pemberontakan dan rusuhan (1m) kerana berlaku ketidakadilan (1m) | 2 isi x 2m<br>=4m |

<table>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Nasihat saya kepada pesalah minum arak tersebut:<br><br>Rubrik Penskoran :<br><br><table><tr><th>Diskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu nasihat</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu nasihat / dan huraian</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu nasihat, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu nasihat, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / berserta kesimpulan / rumusan</td><td>4m</td></tr></table><br>Contoh jawapan :<br><br>- Hendaklah insaf dan bertaubat (1m) supaya tidak mengulangi perbuatan tersebut (1m) kerana boleh merosakkan kewarasan akal (1m) Sekiranya tidak ada orang yang minum arak, masyarakat akan hidup aman harmoni (1m)</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>d</td><td></td><td>Dua aktiviti yang sesuai dengan ajaran Islam untuk mewujudkan perpaduan di sekolah:<br>- Mengadakan gotong-royong (1m) menceriakan kawasan sekolah (1m)<br>- Mengadakan ceramah dan program agama (1m) mengenai hubungan manusia (1m)<br>- Mengadakan Hari Keluarga (1m) agar hubungan lebih erat (1m)<br>- Mengadakan jamuan (1m) sempena perpisahan atau hari-hari perayaan tertentu (1m)<br>- Mengadakan acara sukan (1m) seperti sukan tahunan (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>=4m</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud harta menurut Islam ialah:<br><br>- Anugerah Allah SWT kepada manusia (1m) yang boleh dimiliki (1m) oleh setiap manusia melalui usaha dan ikhtiar (1m) seperti rumah, tanah, dan sebagainya (1m).<br><br>• Jawapan pelajar mesti mengandungi “Anugerah Allah SWT kepada manusia...dan mana-mana satu isi yang lain.</td><td>2 isi x 1m<br>=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua bahagian harta beserta contohnya:<br>- Harta boleh alih (1m) contohnya kereta, wang dan saham(1m)<br>- Harta tidak boleh alih (1m) contohnya tanah, rumah dan ladang (1m)</td><td>4 isi x 1m<br>=4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua bahagian hak milik dalam Islam:<br>- Hak milik peribadi (1m)<br>- Hak milik umum (1m)<br>- Hak milik negara (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua cara pemilikan harta oleh individu:<br>- Melalui bekerja (2m)<br>- Melalui pewarisan (2m)<br>- Pemberian kerajaan kepada rayat (2m)<br>- Harta yang dipindah secara percuma seperti wasiat, hibah, hadiah, dan mas kahwin bagi perempuan (2m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Terdapat segolongan umat Islam yang enggan membayar zakat kerana:<br><br>Rubrik penskoran :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab dan huraian</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan satu sebab, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / berserta kesimpulan / rumusan</td><td>4m</td></tr></table><br>Contoh jawapan :<br><br>- Sifat tamak (1m) tanpa mempedulikan hak orang lain (1m) kerana terlalu mementingkan diri sendiri (1m) Oleh itu, pihak tertentu perlulah menyebarkan maklumat tentang kepentingan berzakat kepada umat Islam (1m)</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>d.</td><td></td><td>Dua etika muamalah dalam Islam:<br>- Rajin berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh (1m) untuk mencapai kejayaan (1m)<br>- Bersikap amanah, jujur dan tidak menipu (1m) ketika berurusan dengan orang ramai (1m)<br>- Tekun dan tabah (1m) ketika melakukan pengurusan, perusahaan, perniagaan dan sebagainya (1m)<br>- Bekerja kerana Allah SWT (1m) untuk mendapat keredaan dan keampunanNya (1m)<br>- Bersikap bertolak ansur, toleransi dan melakukan perundingan (1m) dalam segala urusan muamalah (1m)<br>- Sedia saling bantu-membantu dan tolong-menolong (1m) kepada golongan yang memerlukan (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5. | (a) | (i) | **Pengertian perundangan Islam:**<br>- Segala hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT keatas manusia (1m) yang merangkumi aspek-aspek akidah, ibadah dan akhlak (1m) | 2m |
| | | (ii) | **Empat sumber perundangan Islam:**<br>- Al-Quran<br>- Al-Hadis<br>- Al-Ijmak<br>- Al-Qias | 4 isi x 1m = 4m |
| | (b) | (i) | **Dua contoh perkara yang haram dilakukan dalam Islam:**<br>- Mencuri<br>- Mengumpat<br>- Berzina<br>- Makan riba<br><br>*** Semua perkara haram yang lain adalah diterima** | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Islam melarang umatnya daripada melakukan perbuatan yang haram kerana:**<br><br>Rubrik Penskoran :<br><br>(see rubric below)<br><br>**Contoh jawapan :**<br><br>- Untuk memastikan kepentingan diri manusia terpelihara (1m) contohnya pengharaman berzina (1m) kerana perbuatan ini merosakkan keturunan manusia (1m) Kesimpulannya sebagai umat Islam kita hendaklah meninggalkan perkara yang haram agar hidup dalam keadaan aman dan sejahtera (1m) | 4m |

| Diskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu sebab | 1m |
| Menyatakan satu sebab dan huraian | 2m |
| Menyatakan satu sebab, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / | 3m |
| Menyatakan satu sebab, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / berserta kesimpulan / rumusan | 4m |

<table>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Dua cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti ibadat:<br>- Sentiasa mengingati Allah SWT dalam melakukan sebarang pekerjaan (1m) seperti menjaga batasan halal dan haram dalam memperoleh harta (1m).<br>- Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat (1m) supaya ibadat yang dilakukan akan mencapai kesempurnaan dan menepati tujuan ibadat tersebut (1m).<br>- Mendampingi orang yang berilmu dan soleh (1m) dengan sentiasa mengikut segala amalan kebaikan mereka (1m)<br>- Sentiasa tenang dan sabar dalam menghadapi segala kesusahan dan cabaran ketika beribadat (1m) seperti tabah dan berhati-hati dalam menuntut ilmu (1m)<br>- Melakukan ibadat secara berterusan (1m) bukan mengikut trend masyarakat pada sesuatu masa (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Perbezaan antara hukum jenayah Islam dengan hukum jenayah ciptaan manusia:
<table>
<tr><th>Hukum jenayah Islam</th><th>Hukum jenayah ciptaan manusia</th></tr>
<tr><td>Hukum jenayah Islam diciptakan oleh Allah SWT</td><td>Digubal daripada hasil pendapat dan pengalaman pihak yang berkuasa</td></tr>
<tr><td>Perlaksanaan hukum jenayah Islam mendapat keberkatan dan rahmat drpd Allah SWT</td><td>Tidak ada keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT</td></tr>
<tr><td>Mendidik jiwa manusia dengan menghapuskan dosa dan ganjaran baik di akhirat</td><td>Pembalasan hanya di dunia sahaja dan gagal mendidik jiwa manusia</td></tr>
<tr><td>Kuasa pengampunan berada di tangan keluarga mangsa</td><td>Kuasa pengampunan berada dalam kuasa mahkamah</td></tr>
</table></td><td>4 isi x 1m<br>=4m</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua adab berdoa supaya dimakbulkan oleh Allah SWT:<br>- Memulakan doa dengan memuji Allah SWT dan selawat keatas nabi (2m)<br>- Menghadirkan hati dan menampakkan kerendahan hati (2m)<br>- Mengangkat kedua belah tangan ketika berdoa (2m)<br>- Memastikan rezeki, makanan, minuman dan pakaian daripada sumber yang halal (2m)<br>- Berdoa bukan untuk perbuatan dosa atau memutuskan silaturrahim (2m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Tiga kebaikan berdoa kepada seseorang Islam:**<br>- Menambahkan keyakinan dan ketakwaan kepada Allah SWT (1m) dalam segala perkara (1m)<br>- Menenangkan jiwa dan perasaan (1m) kerana berasa dekat dengan Allah SWT (1m)<br>- Mendapat pahala dan keberkatan daripada Allah SWT (1m) agar berjaya di dunia dan di akhirat (1m)<br>- Menjadikan seseorang itu tidak mudah kecewa dan berputus asa (1m) kerana yakin dengan Allah SWT (1m)<br>- Merapatkan hubungan dengan Allah SWT (1m) setiap masa (1m) | 3 isi x 2m = 6m |
| | (b) | | **Tiga akibat kemiskinan selain daripada terganggu fikiran:**<br>- Mundur dan ketinggalan (1m) dalam kehidupan (1m)<br>- Timbul pelbagai gejala sosial (1m) seperti pelacuran (1m)<br>- Taraf pendidikan rendah (1m) kerana sukar melanjutkan pelajaran (1m)<br>- Meningkat kadar jenayah (1m) sehingga menimbulkan huru-hara dalam masyarakat (1m)<br>- Merosakkan akidah(1m) seperti sanggup menukar agama(1m) | 3 isi x 2m = 6m |
| | (c) | | **Sumbangan yang dapat saya lakukan untuk membasmi kejahilan dalam masyarakat:**<br><br>Rubrik Penskoran :<br><br>(see table below)<br><br>**Contoh jawapan :**<br><br>- Mengadakan majlis ilmu (1m) seperti usrah/ceramah/forum dan sebagainya (1m) supaya masyarakat dapat belajar (1m) Kesimpulannya sebagai umat Islam janganlah berhenti daripada menuntut ilmu supaya tidak ketinggalan (1m) | 4m |

| Diskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu sumbangan | 1m |
| Menyatakan satu sumbangan / huraian / contoh | 2m |
| Menyatakan satu sumbangan, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / sebab | 3m |
| Menyatakan satu sumbangan, huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / sebab / berserta kesimpulan / rumusan | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7. | (a) | (i) | **Dua syarat mencari harta supaya diterima menjadi ibadat:**<br>- Niat ikhlas kerana Allah SWT (2m)<br>- Tidak meninggalkan ibadat kepada Allah SWT (2m)<br>- Mencari harta dengan cara yang halal dan mengikut syariat<br>- Islam (2m)<br>- Harta yang dicari itu mestilah halal dan suci (2m)<br>- Tidak mengganggu orang lain semasa mencari harta seperti menindas, mencuri dan monopoli (2m) | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (ii) | **Tiga bentuk ujian Allah SWT terhadap orang-orang yang memiliki banyak harta:**<br>- Allah SWT memudahkan lagi jalan mendapatkan harta (1m) menyebabkan timbul perasaan ghairah mencari harta (1m)<br>- Menjadikan manusia itu kedekut dan bakhil (1m) kerana terlalu sayangkan hartanya (1m)<br>- Menjadikan mereka sombong dan angkuh (1m) dengan kemewahan yang ada (1m)<br>- Mengabaikan Allah SWT (1m) kerana sibuk mencari harta dan leka dengan keduniaan (1m)<br>- Membelanjakan harta secara batil (1m) seperti terlalu boros hingga membazir (1m)<br>- Mengabaikan pembayaran zakat dan mengerjakan ibadat haji (1m) kerana terlalu sibuk mengejar kekayaan dunia (1m) | 3 isi x 2m = 6m |
| | (b) | (i) | **Enam contoh aktiviti muamalah Islam yang diamalkan oleh institusi kewangan tersebut:**<br>- al-Wadiah (1m)<br>- al-Mudharabah (1m)<br>- al-Murabahah (1m)<br>- al-Musyarakah (1m)<br>- al-Rahn (1m)<br>- al-Ijarah (1m)<br>- al-Bai’ bithaman ajil (1m)<br>- al-Takaful (1m) | 6 isi x 1m = 6m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Aktiviti muamalah tersebut dapat mewujudkan kerjasama dalam masyarakat:**<br><br>Rubrik Penskoran : | 4m |

| Diskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu aktiviti | 1m |
| Menyatakan satu aktiviti / huraian / contoh | 2m |
| Menyatakan satu aktiviti / huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / sebab | 3m |
| Menyatakan satu aktiviti / huraian dan huraian lengkap / contoh / kesan / sebab / berserta kesimpulan / rumusan | 4m |

**Contoh jawapan:**

- Dengan mengelakkan penindasan (1m) antara pembeli dan penerima (1m) seperti tidak mengamalkan riba (1m) Kesimpulannya sistem muamalah secara Islam adalah untuk membantu antara individu dan kumpulan dalam masyarakat (1m)

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**